

UCAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI, DR. LIM  
CHONG EU, DI JAMUAN MAKAN MALAM SEMPENA  
DENGAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DEWAN  
PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU PADA  
HARI SABTU 8<sup>HB</sup> OKTOBER, 1977 DI DRAGON  
PALACE, HOTEL MERLIN JAM 8.00 MALAM  
\*\*\*\*\*

Yang Amat Berhormat, Pemangku Perdana Menteri  
Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed,

Yang Di Pertua, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu  
Malaysia, Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin,

Pengerusi Pengerusi, Dewan Perniagaan dan Perusahaan  
Melayu Negeri-Negeri,

Yang Berhormat-Yang Berhormat,

Dzif-Dzif Terhormat

Tuan-Tuan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang

Di Pertua dan Ahli-Ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan

Melayu, Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk

menghaziri majlis tuan-tuan pada malam ini.

2. Kehaziran Yang Amat Berhormat Pemangku

Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed

menambahkan lagi kepentingan dan kecemerlangan

majlis ini.

3. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah kepada Ahli-Ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan

Melayu, Malaysia atas daya usaha yang telah disumbangkan

oleh mereka dalam mengasaskan Dewan sebagai satu

organisasi perwakilan yang penting di dalam negara.

4. Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu,

Malaysia, melalui berbagai-bagai aktiviti, telah

dapat memperbaiki kebajikan kaum Bumiputra di dalam

lapangan perdagangan dan perindustrian. Usaha-usaha

Dewan juga telah dapat mengukuhkan lagi keazaman Kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dan seterusnya menambahkan penyertaan Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian agar dapat mengurangkan jurang perbezaan sosio-ekonomi dan menyusun semula satu masyarakat Malaysia yang adil dan saksama. Dewan tuan telah juga memulakan penyertaan pihak-pihak swasta untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga.

5. Kerajaan Persekutuan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Pemandu untuk melaksanakan perakuan-perakuan Pasukan Petugas Khas Pulau Pinang mengenai

penyertaan Bumiputra di bawah pengerusi bersama Pengarah, Bahagian Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Kerajaan, Pulau Pinang.

Saya adalah difahamkan bahawa Jawatankuasa Pemandu ini telah pun mengadakan mesyuarat dari semasa ke semasa untuk mengenali dan mengkaji masaalah-masaalah dan memperakukan penyelesaian-penyelesaian bagi mengatasi masaalah ini berkaitan dengan penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

6. Salah satu tugas terbesar yang dihadapi oleh kita dalam menyusun semula masyarakat kita ialah untuk menentukan penyertaan Bumiputra yang sewajarnya; khususnya di dalam sektor perniagaan

dan perdagangan, di mana mereka tidak mempunyai kemampuan di masa yang lalu untuk menceburkan diri supaya seimbang dengan lain-lain kaum di dalam negara. Pada kebanyakannya, masalah-masalah tenaga rakyat, latihan peluang-peluang dan pengalaman terpaksa diatasi. Perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah pengasas utama dalam usaha kita untuk memupuk perpaduan nasional dan menyusun semula masyarakat kita. Kita mesti mengekalkan lagi usaha-usaha kita dengan penuh kejayaan untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru. Dengan berbuat demikian, kita harus memahami bahawa Negara mesti maju dalam satu cara

yang secukupnya dengan rancangan-rancangan kita demi

mengekalkan keselamatan dan kestabilan Negara.

Kita mesti terus berusaha dengan penuh kepercayaan

dan ketekunan. Tidak timbulnya sebarang kekeliruan

dalam pemikiran kita.

7. Saya mengambil kesempatan ini untuk memetik

ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Dato Hussein Onn ketika beliau membentangkan usul

mengenai Rancangan Malaysia Ketiga di Dewan Rakyat

pada hari Isnin 19hb Julai 1965 " Marilah kita

menghapuskan perkara-perkara yang tidak jelas ini

terus menerus, sekali dan untuk semua. Mohon saya

meregaskan semula prinsip-prinsip asas yang berikut

yang merupakan garis panduan pelaksanaan dasar-dasar penyusunan semula kita :

Keadaan jurang perbezaan yang terdapat pada masa ini dalam hakmilik modal saham di dalam perusahaan perseorangan akan diperbaiki terutamanya menerusi pertumbuhan ekonomi.

Modal saham yang telah ada pada masa ini tidaklah wajib dijual dengan tujuan untuk melaksanakan dasar penyusunan semula yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pertumbuhan, tidak akan ditafsirkan hanya dari segi tambahan modal saham sahaja kerana pertumbuhan

boleh berkembang bukan sahaja dengan cara perkembangan modal saham. Satu ukuran yang dapat diterima oleh semua pihak akan diusahakan melalui rundingan dengan sektor swasta.

Oleh kerana corak hakmilik mengikut kaum seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB) menjelang tahun 1990 adalah merupakan satu matalamat yang menyeluruh, ia tidak semestinya digunakan pada peringkat perusahaan perseorangan dalam ekonomi. Di samping mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan penguasaan terbesar rakyat Malaysia dengan berbagai-bagai tingkat di

dalam industri yang berlainan, Kerajaan juga akan sentiasa bersedia membenarkan penguasaan terbesar oleh orang-orang asing dalam sektor-sektor tertentu seperti pembuatan di mana teknologi, kepakaran pengurusan dan modal adalah perlu untuk memesatkan lagi pertumbuhan industri yang berkenaan.

Matalamat-matalamat hakmilik Dasar Ekonomi Baru menjelang tahun 1990 pada amnya akan dicapai menerusi kejayaan yang berterusan dalam tempoh tersebut, kecuali dalam beberapa industri tertentu (termasuk industri perlombongan dan industri-industri yang

berasaskan sumber-sumber asli) di mana syarat-syarat penguasaan hakmilik rakyat Malaysia perlu dipatuhi secepat mungkin.

Pentadbiran saya bertujuan, untuk mencari perkongsian yang bertanggungjawab dan berkesan dengan sektor swasta supaya bersama-sama mereka matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru boleh dicapai pada tingkat dan dengan cara yang memberi faedah kepada kedua-dua sektor swasta dan negara keseluruhannya.

8. Secara peribadi, saya dapati bahawa salah satu halangan yang besar terhadap perlaksanaan penyusunan semula masyarakat ialah **kebolehan** untuk mengenali, melatih dan memajukan individu-

individu yang dapat menunaikan objektif-objektif penyertaan Bumiputra. Dalam konteks ini, Dewan perniagaan dan Perusahaan boleh membantu secara besar-besaran sekiranya mereka dapat menclong Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan dalam pengenalan dan latihan individu-individu yang sesuai bagi menyertai di dalam berbagai-bagai sektor ekonomi. Kita mesti menghargai bahawa sudah tentu ini akan mengambil sedikit sebanyak masa bagi sesiapa pun, tidak kira apakah latar belakang ethniknya, untuk menjadi mahir dalam lapangannya sendiri di bidang perdagangan dan perniagaan. Pengalaman dalam sektor-sektor perniagaan dan perdagangan biasanya diperolehi

secara "ad hoc" dan sedikit sebanyak nasib juga mengimbangi ketekunan dan bantuan yang sangat-sangat dikehendakki untuk mengekalkan dan menjayakan sesuatu usaha perdagangan dan perniagaan.

Bagaimana pengalaman ini boleh disalurkan kepada ahli-ahli baru dalam sektor perniagaan dan perdagangan khasnya dikalangan kaum Bumiputra, adalah satu usaha yang mana Dewan Perniagaan dan Perusahaan boleh membantu Kerajaan untuk memproses dan melaksanakannya.

10. Saya ingin mengambil peluang di majlis ini untuk mencadangkan kepada Dewan Perniagaan dan Perusahaan untuk menubuhkan satu bahagian penyelidikan

dan latihan profesyenal yang dapat menambahkan usaha ajensi-ajensi dan organisasi-organisasi Kerajaan yang telah pun ditubuhkan di peringkat-peringkat Persekutuan dan Negeri untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru.

11. Akan tetapi kita mesti ingat bahawa pencapaian matlamat-matlamat membasmiakan kemiskinan dan membetulkan jurang perbezaan sosial dan ekonomi di dalam masyarakat kita akan memerlukan kesabaran, persefahaman, toleransi dan usaha-usaha rajin dalam tempoh masa yang panjang.

12. Dalam konteks Negeri Pulau Pinang, Kerajaan telah melancarkan berbagai-bagai rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang dapat menentukan supaya faedah-faedah hasil dari pembangunan ini akan dapat dinikmati oleh sebahagian besar penduduk kita khususnya untuk membasmi kemiskinan luar bandar dan juga kemiskinan di bandar. Rancangan-rancangan ini bukan sahaja akan membaiki keadaan-keadaan ekonomi golongan orang yang miskin tetapi juga bertujuan untuk memajukan lagi mutu hidup mereka. Walau pun Kerajaan Negeri telah mencapai kejayaan di dalam rancangan-rancangan perindustrian, namun ianya akan terus mengukuhkan dan memajukan lagi perusahaan-perusahaan di dalam Negeri untuk meng-

ujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak bagi murid-murid yang meninggalkan sekolah yang berjumlah kira-kira seramai 12,000 (dua belas ribu) orang pada tiap-tiap tahun.

13. Kerajaan Negeri juga sedang memesatkan rancangan-rancangan perumahannya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk menambahkan rancangan-rancangan Kerajaan di dalam sektor ekonomi yang lain. Jenis-jenis perumahan akan dapat menemui keperluan semua peringkat kumpulan pendapatan tetapi tekanan khas adalah diberi untuk menemui keperluan golongan yang berpendapatan rendah. Adalah dijangka bahawa

kira-kira 2000 yunit akan sipa diduduki menjelang akhir tahun ini. Semua rancangan-rancangan perumahan ini juga akan dilengkapi dengan rancangan-rancangan kemudahan-kemudahan sosial dan sibilik dengan tujuan membaiki keadaan ekonomi dan justru itu memajukan lagi mutu hidup masyarakat-masyarakat baru.

14. Saya berasa gembira untuk menyatakan bahawa Dewan Perniagaan dan Perusahaan, **Melayu Malaysia** telah pada setiap masa memberi sokongan dan kerjasamanya kepada Kerajaan dalam melaksanakan berbagai-bagai rancangan pembangunan di dalam Negeri. Saya yakin Dewan akan terus mengekalkan semangat kerjasama

untuk mencapai objektif negara kita dalam membina sebuah masyarakat yang bersatu padu bagi jenerasi rakyat Malaysia baru kita.

15. Selagi kita terus bertampill terhadap dan berusaha untuk melaksanakan rancangan-rancangan sosio-ekonomi, kita juga harus senantiasa berwaspada terhadap anasir-anasir sabversif dan anti-nasional yang selalu cuba menjejaskan masyarakat kita. Kita harus mengesahkan keazaman kita dan sedia mengorban masa dan usaha demi menghapuskan golongan musuh ini. Kita mestilah selalu mengingati bahawa sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu, aman

damai, makmur dan harmoni hanya boleh dicapai melalui penglibatan penuh oleh semua orang Malaysia dari segenap lapisan hidup. Saya percaya rakyat kita akan terus memainkan peranan mereka dalam rancangan-rancangan Kerajaan untuk mencapai matalamat negara kita yakni membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan mengukuhkan ketahanan negara.

17. Sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia atas jemputan mereka kepada saya untuk menghaziri jamuan makan malam ini. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucap selamat kepada

Dewan dan Ahli-Ahlinya. Saya berharap semoga usaha-usaha tuan-tuan dalam memajukan penyertaan Bumiputra di segala lapangan ekonomi akan menemui kejayaan yang cemerlang.

Sekian, terima kasih.